

Miti diminta bantu atasi masalah gula

Kerajaan ulangi pendirian tidak akan naikkan harga

Oleh Hassan Omar

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyelesaikan isu kekurangan gula di pasaran sejak Mac lalu.

Perdana Menteri berkata, Miti perlu memberi perhatian terhadap isu berkenaan bagi memastikan harga gula tidak naik berikutan kekurangan bekalan dalam pasaran sekarang.

Abdullah berkata, kerajaan prihatin terhadap beban sara hidup yang terpaksa ditanggung rakyat berikutan kenaikan harga bahan api akhir Februari lalu dan ia tidak seharusnya ditambah dengan kenaikan harga gula.

"Pada waktu ini kita tidak bercadang naikkan harga gula kerana kita tahu kenaikannya akan membawa kenaikan harga barangan lain. Banyak barang lain menggunakan gula.


"Kita amat memahaminya. Kita perlu berhati-hati untuk mengambil apa-apa tindakan. Miti akan beri perhatian kepada hal ini," katanya pada sidang media selepas melancarkan Hari Pengguna Peringkat Kebangsaan di Stadium Putra Bukit Jalil di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shafie Apdal dan Timbalannya, Datuk S Veerasingam.

Sebelum ini, Shafie dilaporkan meminta Miti memantau operasi empat kilang gula tempatan bagi memastikan barangan itu tidak diekspor secara berlebihan sebagai sebahagian usaha menangani masalah bekalan di pasaran tempatan.

Shafie berkata, menteriannya sudah mengadakan perbincangan dengan Miti dan mengemukakan beberapa cadangan kerana Miti bertanggungjawab dalam pengeluaran permit import dan eksport gula.

Bagaimanapun, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz menafikan masalah kekurangan gula berpunca daripada kelemahan menteriannya,



SIMBOLIK PERASMIAN: Abdullah membakar replika meriam simbolik perasmian Karnival Pengguna, sambil diperhatikan Shafie dan Veerasingam di Stadium Putra, Bukit Jalil, semalam.

sebaliknya mendakwa ia disebabkan kelemahan sistem pagedaran dalam negara.

Rafidah dilaporkan berkata, pagedaran adalah punca masalah berkenaan, selain harga gula yang tinggi di beberapa negara jiran yang menyebabkan berlakunya penyeludupan.

Gula di negara ini dijual RM1.40 sekilogram berbanding harga yang lebih tinggi di Singapura (RM2.56), Thailand (RM1.76), Indonesia (RM2.40) dan Filipina (RM2.42).

Terdahulu, dalam ucapannya, Abdullah menasihatkan rakyat supaya mengamalkan budaya berjimat cermat dan bijak menggunakan hak sebagai pengguna dengan membeli barangan berkualiti serta sentiasa membuat perbandingan harga.

"Jimat cermat bukan bermakna kita mesti jadi kedekut. Kita juga tidak suka rakyat kita jadi boros kerana membazir adalah perbuatan ti-

dak baik.

"Harga berpatutan mesti dinikmati oleh rakyat. Kita tidak mahu pengusaha atau peniaga yang menyeludup barang. Jika ada maklumat mengenainya, pengguna harus memberi kerjasama kepada kerajaan," katanya.

Abdullah turut menyampaikan

FAKTA NOMBOR

Harga gula sekilogram di negara jiran

RM2.56

Di Singapura

RM2.40

Di Indonesia

Anugerah Tokoh Pengguna 2006 kepada Setiausaha Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Dr Mamer Osman dan Anugerah Organisasi Pengguna Terbaik kepada Persatuan Pengguna Selangor dan Wilayah Persekutuan yang diwakili Mohd Yusof Abdul Rahman.

Rangkaian Restoran KFC pula menerima anugerah Syarikat Mesra Pengguna, manakala akhbar *Kosmo* (Anugerah Media Pengguna).

Perdana Menteri turut menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara KPDNHEP dengan beberapa pasar raya bagi melatih graduan mengangkur sebelum berkhidmat di pasar raya berkenaan.

Mengenai MoU itu, Abdullah berkata, usaha berkenaan harus diberi penghargaan kerana membantu siswazah mengangkur memperoleh pekerjaan.